

Dasar Pentadbir British Terhadap Penanaman Kelapa dalam kalangan Orang Melayu di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu Semasa Penjajahan, 1874-1940

The British Administrators' Policies Towards Coconut Cultivation among Malays in Federated Malay States During Colonisation, 1874-1940

SITI NOOR HAFIZAH MOHAMED SHARIF*, NAZARUDIN ZAINUN

*Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia, 11800 USM Pulau Pinang, Malaysia*

Corresponding author: snhafizah@usm.my

Received: 28 March 2024 Accepted: 17 June 2024

Abstrak

Artikel ini membincangkan dasar pentadbir British terhadap penanaman kelapa orang Melayu sebagai tanaman komersial untuk tujuan eksport. Dalam aktiviti pertanian komersial kelapa untuk tujuan eksport, pentadbir British bukan hanya tidak menghalang bahkan berusaha untuk mempengaruhi orang Melayu untuk terus terlibat dengan tanaman kelapa. Namun, dasar pentadbir British terhadap tanaman kelapa oleh orang Melayu secara khusus masih tidak diperincikan oleh penulisan-penulisan lepas. Sebaliknya, penulisan-penulisan lepas hanya memfokuskan kepada tindakan British dalam mengkomersialkan hasil kelapa dan kesan sosioekonomi ekoran perkembangan tanaman kelapa secara umum. Maka, penulisan ini memfokuskan perbincangan kepada dasar pentadbir British yang khusus terhadap penanaman kelapa orang Melayu, tujuan pentadbir British bersikap sedemikian serta usaha yang dilakukan bagi mempengaruhi orang Melayu terus menanam kelapa. Penulisan ini berhujah pentadbir British berusaha menggalakkan dan mempengaruhi orang Melayu untuk terus menanam kelapa bagi mempelbagaikan hasil pertanian untuk dieksport ke luar negara agar dapat mengurangkan kebergantungan kepada tanaman getah dan seterusnya meningkatkan pendapatan melalui eksport serta bertujuan memenuhi keperluan sektor pembuatan di Tanah Melayu sendiri. Usaha pentadbir British dalam menggalakkan penanaman kelapa dalam kalangan orang Melayu ini tidak semata-mata dalam galakan berbentuk positif tetapi juga turut dilaksanakan dalam bentuk paksaan. Penulisan ini menggunakan pendekatan sejarah iaitu kaedah analisis sumber primer yang berupa rekod-rekod rasmi pentadbir British seperti *Year Book And Manual of Statistics, Malayan Agricultural Journal, Federated Malay States Gazette, Agricultural Bulletin of the Straits and Federated Malay States* dan pelbagai lagi rekod pentadbir British yang berkaitan.

Kata kunci: Tanah Melayu; Kelapa; *Copra*; Penjajahan British; Orang Melayu

Abstract

This article discusses the policies of British administrators towards the Malays' coconut cultivation as a commercial crop for export purposes. In commercial coconut cultivation for export purposes, the British administrators not only refrained from hindering but also encouraged the Malays to continuously plant coconuts. However, the British administration's policies towards Malays on coconut cultivation is not detailed in past writings. On the contrary, previous writings only focused on British effort in commercialising coconut products and the socio-economic effects resulting

from the development of coconut cultivation. Therefore, this study will concentrate on the British administrators' policies towards Malays coconut cultivation, why the British administrators adopted such a policies and the efforts made to ensure that Malays continue to cultivate coconuts. This writing argues that the British administrators endeavored to encourage and influence the Malays to continue planting coconuts in order to diversify agricultural products for export, thus reducing dependence on rubber cultivation and subsequently increasing income through exports. Additionally, this effort aimed to meet the needs of the manufacturing sector within Malaya itself. The British administrators' efforts to promote coconut cultivation among the Malays were not only through positive encouragement but also implemented through coercion. This writing uses a historical approach, specifically the method of analysing primary sources in the form of official records of the British administrators, such as the Year Book And Manual of Statistics, Malayan Agricultural Journal, Federated Malay States Gazette Agricultural Bulletin of the Straits and Federated Malay States, and other related records.

Keywords: Malaya; Coconut; Copra; British Colonisation; The Malays

Pengenalan

Semasa pentadbiran British di Tanah Melayu, selain daripada tanaman getah, kelapa juga merupakan antara tanaman komersial yang diberi perhatian penting oleh pentadbir British bagi tujuan eksport. Tanaman getah merupakan tanaman yang dibawa masuk dari luar dan mula mendapat tempat sebagai tanaman eksport bermula pada tahun 1890 ekoran kejatuhan harga tanaman eksport lain di Tanah Melayu, misalnya kopi.¹ Kelapa pula merupakan tanaman tempatan yang diusahakan oleh orang Melayu sejak sebelum pentadbiran British dan terus diusahakan semasa pentadbiran British sama ada untuk kegunaan sendiri ataupun untuk tujuan eksport.² Walaupun tanaman kelapa telah lama diusahakan oleh orang Melayu, minat orang Melayu terhadap tanaman kelapa semasa penjajahan tidaklah meluas seperti minat mereka terhadap getah. Misalnya sehingga tahun 1931, peratus orang Melayu yang terlibat dalam penanaman getah adalah 76.5% lebih tinggi daripada orang Melayu yang terlibat penanaman kelapa.³ Manakala sikap pentadbir British di Tanah Melayu pula sebaliknya, iaitu lebih mengharapkan orang Melayu dengan mengusahakan tanaman kelapa berbanding tanaman getah.⁴ Namun pandangan pentadbir British terhadap penanaman kelapa orang Melayu belum diperincikan dalam mana-mana penulisan lepas. Sebagai bukti, penulisan-penulisan sebelum ini yang khusus membincangkan kepada tanaman kelapa seperti penulisan Zulkanain Abdul Rahman dan Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus memfokuskan kepada peranan pemodal asing dalam membantu perkembangan penanaman kelapa.⁵ Kemudian Zalikha Bahari pula membincangkan mengenai kesan dan reaksi masyarakat terhadap industri kelapa yang menurutnya adalah pelbagai.⁶ Penulisan oleh Khairi Ariffin, Ramli Saadon & Tuan Waheda Tuan Chik turut membincangkan perkembangan kegiatan penanaman komersial di Hilir Perak, Perak termasuklah kelapa. Walaupun kedua-dua penulisan ini turut memfokuskan kepada sikap pentadbir British, namun perbincangan tersebut hanya terhad kepada usaha pentadbir British untuk menjadikan kelapa sebagai tanaman komersial yang penting di Tanah Melayu melalui pelbagai galakan bagi menarik kemasukan pemodal-pemodal Barat untuk terlibat dalam penanaman kelapa.⁷ Penulisan ini tidak memperincikan secara khusus polisi pentadbir British terhadap penanaman kelapa orang Melayu. Manakala dua penulisan terbaharu pula dihasilkan oleh Mohamad Khairul Anuar memfokuskan perbincangannya kepada kawalan serangga perosak⁸ dan strategi pengkomersialan tanaman kelapa.⁹ Maka, penulisan artikel ini bertujuan untuk mengisi kelompangan yang ada tersebut iaitu apakah pandangan, tujuan dan dasar pentadbir British terhadap penanaman kelapa orang Melayu? Skop masa bagi perbincangan ini bermula pada tahun 1874 sehingga tahun 1940 iaitu menjelang Tanah Melayu menerima kesan secara langsung dari

Perang Dunia Kedua ekoran penaklukan Jepun.

Latar belakang penanaman kelapa oleh orang Melayu

Penanaman kelapa untuk tujuan komersial dalam kalangan orang Melayu iaitu melalui penghasilan kelapa kering (*copra*) telahpun lama berlaku sebelum campur tangan British iaitu sejak kurun ke-17 dan ke-18.¹⁰ Pada tempoh ini, pedagang Bugis dan “Melayu lain” merupakan antara pedagang yang memainkan peranan penting dalam perdagangan dan penyebaran hasil kelapa di Kepulauan Melayu. Misalnya pada tahun 1662, *copra* merupakan eksport utama Johor bersama-sama dengan damar.¹¹ Manakala pada dekad-dekad akhir kurun ke-19, Selatan Burma, Selatan Siam dan Sumatera merupakan pengimport utama hasil kelapa (*copra* dan minyak kelapa) dari Tanah Melayu. Pulau Pinang merupakan hub pengeksport hasil kelapa dari Tanah Melayu ke negara-negara terlibat. Permintaan yang tinggi wilayah yang berjiran dengan Tanah Melayu ini telah menyebabkan keluasan tanaman kelapa di Pulau Pinang meningkat daripada 6,000 ekar pada tahun 1830 kepada 17,000 ekar pada tahun 1874. Faktor utama peningkatan permintaan kelapa ini dikatakan akibat pertumbuhan pesat populasi penduduk di wilayah-wilayah ini seperti yang berlaku di Burma.¹² Manakala James Low pula menganggarkan bahawa terdapat lebih kurang 50,000 pokok kelapa di Pulau Pinang dan Seberang Perai yang ditanam berhampiran dengan rumah-rumah orang Melayu dan di sepanjang pesisir pantai yang mempunyai tanah berpasir. Tanaman kelapa di kedua-kedua wilayah ini juga turut ditanam di kawasan pedalaman iaitu di kawasan tanah rata yang mempunyai tanah jenis aluvium. Low turut menyatakan bahawa kelapa dari Pulau Pinang dan Seberang Perai ini mempunyai nilai pasaran yang baik di Singapura selain turut dieksport di Rangoon dan Tenasserim, Burma.¹³ Selain daripada Pulau Pinang, Kelantan juga turut mengeksport kelapa kering. Jumlah eksport kelapa kering dari Kelantan dianggarkan berjumlah 40,000 tan setiap tahun semasa pentadbiran Sultan Muhammad II (1838-1886).¹⁴ Kemudian, perkembangan perdagangan kelapa Tanah Melayu semakin pesat berlaku di bawah pentadbiran British pada separuh masa pertama kurun ke-20. Terdapat dua faktor membawa kepada permintaan kelapa meningkat dengan pesat di Tanah Melayu pada separuh masa kurun ke-20. Pertama, pertumbuhan pesat populasi penduduk. Pertumbuhan pesat penduduk semasa penjajahan British ini telah meningkatkan penggunaan kelapa kerana tanaman ini merupakan sumber lemak utama dalam diet harian penduduk.¹⁵ Maka keperluan kelapa sebagai sumber makanan meningkat seiring dengan pertumbuhan pesat populasi penduduk tersebut. Kedua, perkembangan sektor pembuatan berasaskan kelapa di Barat iaitu kepelbagaian produk yang boleh dihasilkan daripada kelapa untuk kegunaan harian seperti minyak kelapa, kelapa kering, marjerin, lilin dan sabun.¹⁶ Kemudiannya, selepas bermula kemelesetan ekonomi dunia, berlaku pula perkembangan sektor pembuatan berasaskan kelapa di Tanah Melayu sendiri.¹⁷

Berdasarkan kedudukan tanaman kelapa sebagai tanaman komersial penting di Tanah Melayu sejak kurun ke-17, jelas menonjolkan bahawa tanaman kelapa bukanlah mula dikomersialkan di Tanah Melayu semasa penjajahan British iaitu selepas pertengahan kurun ke-19. Sebaliknya, penanaman kelapa bagi tujuan komersial telah lama berlaku sebelum itu. Hal ini juga menjelaskan mengapa pentadbir British turut memberi perhatian penting kepada tanaman ini sebagai salah satu tanaman alternatif kepada tanaman getah. Maka tidak hairan juga, selepas kurun ke-19, iaitu pada separuh masa pertama kurun ke-20, tanaman kelapa merupakan antara salah satu tanaman komersial terpenting Tanah Melayu melalui penghasilan *copra*. Di bawah pentadbiran British juga, tanaman kelapa hidup subur di seluruh kawasan di Tanah Melayu dengan tanaman kelapa dalam jumlah keluasan yang besar terdapat di seluruh Pulau Pinang, Seberang Perai, Kerian, Dinding dan Bagan Datoh di Perak, di pesisir pantai dari Sungai Bernam ke Sepang di Selangor, Selatan Johor serta pesisir pantai di timur Johor dan Pahang.¹⁸

Pandangan pentadbir British terhadap penanaman kelapa orang Melayu berbanding getah

Dalam kegiatan penanaman kelapa orang Melayu, pentadbir British melihat ini sebagai suatu usaha yang positif kerana penanaman kelapa oleh orang Melayu ini sekurang-kurangnya dapat menampung kemerosotan keluasan penanaman kelapa oleh peladang-peladang Eropah akibat kemunculan getah seperti yang berlaku di Perak dan Selangor. Hal ini dapat dilihat daripada laporan oleh L. C. Brown pada tahun 1905 yang melaporkan bahawa:

... After deducting some 700 to 800 acres of coconuts (planted originally among the rubber in some European estates in Selangor and Perak, which were destroyed to make room for the latter in 1905), there still remains the substantial increase of 10,000 acres in the cultivation as compared to the preceding year. This, I think, may be considered quite satisfactory, seeing that extension is almost entirely confined to native holdings and indicates that cultivation of the coconut, which is particularly suited to their wants, continues to find favour among them. I anticipate every probability of as much, if not more, land being opened up during current year.¹⁹

Pernyataan tersebut juga menonjolkan sikap pentadbir British yang tidak begitu peduli akan kemerosotan tanah-tanah estet yang ditanam kelapa oleh peladang-peladang Eropah yang mula beralih kepada tanaman getah. Hal ini kerana, masih berlaku peningkatan dalam jumlah keluasan penanaman kelapa oleh pekebun-pekebun Melayu. Misalnya pada tahun 1905, berlaku peningkatan sebanyak 1,700 ekar dalam jumlah keluasan tanaman kelapa di daerah Kerian, Perak. Di daerah Hilir Perak pula iaitu di Bagan Datoh, Rungkup dan Hutan Melintang, jumlah keluasan tanaman kelapa adalah tidak kurang dari 5,000 ekar.²⁰ Dengan kemunculan getah sebagai tanaman komersial yang jauh lebih menguntungkan, pertambahan dalam jumlah keluasan tanaman kelapa ini adalah suatu perkara yang menakjubkan. Selain Perak, situasi serupa turut berlaku di Selangor apabila orang tempatan dikatakan lebih berminat untuk menanam kelapa berbanding orang Eropah sekalipun dengan kemunculan getah. Misalnya, di Morib dan Kuala Selangor, jumlah keluasan penanaman kelapa oleh pekebun kecil tempatan masih terus meningkat. Pada tahun 1905, jumlah keluasan penanaman kelapa oleh pekebun-pekebun kecil tempatan di Morib sahaja berjumlah 1,000 ekar. Secara keseluruhan penanaman kelapa di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1905 ini adalah berjumlah lebih kurang 100,000 ekar dengan pertambahan sebanyak 10,000 ekar berbanding tahun sebelumnya.²¹ Penyertaan orang Melayu dikatakan penyumbang penting kepada pertambahan keluasan kawasan tanaman kelapa tersebut. Lanjutan daripada penyertaan orang Melayu yang sangat memberangsangkan dalam penanaman kelapa, pentadbir British mengklasifikasikan tanaman kelapa sebagai produk tempatan.²²

Pada tahun 1906, penduduk tempatan masih menyambut baik penanaman kelapa. Buktinya, di Likir, Perak (Hilir Perak), terdapat banyak tanah baharu dibuka bagi tujuan penanaman kelapa. Penanaman kelapa oleh orang Melayu di kampung-kampung di Likir ini juga dikatakan bukanlah suatu perkara yang luar biasa kerana tidak sukar untuk menemui pokok-pokok kelapa yang ditanam tersebut mengeluarkan hasil kelapa yang jumlahnya adalah sekurang-kurangnya 200 biji bagi setiap pokok kelapa.²³ Hal ini membuktikan bahawa penanaman kelapa orang Melayu dapat menghasilkan jumlah kelapa yang baik untuk setiap pokok yang ditanam mereka sehingga pentadbir British memuji usaha dan kemahiran orang Melayu dalam tanaman kelapa serta mengharapkan orang Melayu untuk terus menanam kelapa. Terdapat juga dalam kalangan pentadbir British menghujahkan bahawa penanaman kelapa lebih sesuai diusahakan oleh orang Melayu. Misalnya, laporan oleh Ketua Pegawai Lapangan Pertanian bagi Tanah Melayu, F. W. South pada tahun 1926 menyatakan bahawa;

*... the coconut industry is particularly suitable for Malay small holders. This opinion is supported by the fact that in Johore the coconut industry is, almost entirely, in hands of small holders, collection of the nuts and preparation and export of the copra being well organised.*²⁴

Melalui pernyataan ini juga, jelas sekali pentadbiran British di Tanah Melayu mengakui kemampuan dan kepakaran orang Melayu untuk mengusahakan tanaman kelapa bagi tujuan komersial. Keluasan penanaman kelapa bagi pekebun-pekebun kecil di Tanah Melayu sehingga tahun 1930an juga adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan keluasan keseluruhan estet-estet kelapa. Misalnya pada tahun 1934, keluasan tanaman kelapa bagi pekebun-pekebun kecil adalah seluas 500,000 ekar berbanding keluasan estet-estet kelapa pada tahun yang sama yang hanya berjumlah 125,000 ekar.²⁵ Hal ini menonjolkan kepentingan tanaman kelapa oleh pekebun-pekebun kecil yang rata-ratanya terdiri daripada orang Melayu.

Berlaku peningkatan dalam keluasan tanaman kelapa termasuklah dalam kalangan orang Melayu adalah didorong oleh pelbagai insentif oleh pentadbir British terhadap tanaman kelapa lanjutan kestabilan harga belian *copra* di pasaran. Di antara tahun 1923 sehingga tahun 1929 misalnya, harga belian *copra* di Singapura untuk di eksport ke pasaran antarabangsa adalah di antara \$9.45 hingga \$12.20.²⁶ Maka ini membantu peningkatan dalam minat pekebun-pekebun kecil untuk mengusahakan tanah mereka dengan tanaman kelapa untuk tahun-tahun selepasnya mengambil kira prospek keuntungan yang boleh diperoleh daripada tanaman ini. Kemudian menjelang dan semasa berlakunya kemelesetan ekonomi dunia pada penghujung tahun 1920 dan awal tahun 1930an pula, walaupun harga belian kelapa di pasaran, khususnya *copra* mulai merosot yang menunjukkan prospek keuntungan kelapa daripada perdagangan antarabangsa turut merosot, kelapa masih mampu menjana keuntungan kerana permintaan kelapa untuk pasaran domestik semakin meningkat lanjutan perkembangan sektor pembuatan berasaskan kelapa seperti sabun dan minyak kelapa di Tanah Melayu sendiri. Justeru, kedudukan tanaman kelapa, khususnya melalui penghasilan *copra* masih lagi penting kepada sektor pembuatan lanjutan perkembangan baharu ini (lihat Rajah 1).²⁷

Bagi penanaman getah oleh orang Melayu, pandangan pentadbir British pula jauh berbeza. Misalnya, penanaman getah oleh orang Melayu seringkali dikaitkan dengan ketidakmampuan orang Melayu menjaga dengan rapi kebun-kebun getah milik mereka. Perkara ini dapat dilihat daripada laporan-laporan pentadbir British berkaitan penanaman getah oleh orang Melayu. Buktinya, laporan pentadbir British dalam penanaman getah orang Melayu menyatakan bahawa:

*In a few of the more remote localities, as for instance along the banks of the Perak and Kinta rivers in Lower Perak district, small holdings are still badly neglected and will require much further attention from Agricultural Officers in the coming year.*²⁸

Petikan berikutnya pula:

It is regrettable that the unsatisfactory practice of farming out rubber holdings on the profit sharing basis is still very prevalent among Malays. This practice naturally leads to extravagant systems of tapping, and neglect of general upkeep and disease control, since the farmer's only interest is to get as much rubber out of the property as he can, while the owner exercises little or no supervision and usually has no contract giving him legal control over the farmer's treatment of the property. This system also tends to increase the difficulties experienced by Agricultural officers in their endeavours to enforce disease control and the proper general maintenance of

*such properties.*²⁹

Berdasarkan petikan-petikan tersebut, antara perkara negatif yang dikaitkan dengan penanaman getah oleh orang Melayu adalah isu penyebaran penyakit pokok getah kerana pengabaian orang Melayu terhadap kebun getah milik mereka. Dalam hal ini, pentadbir British mengaitkannya dengan amalan penanaman dan pengurusan getah pekebun-pekebun kecil Melayu yang menurutnya hanya bertujuan untuk memaksimumkan keuntungan namun kurang berminat menguruskan dengan baik kebun-kebun milik mereka. Pengabaian terhadap amalan pengurusan yang baik ini turut dikatakan menyukarkan penguatkuasaan kawalan penyakit oleh pegawai-pegawai pertanian terlibat. Tambahan pula, pekebun-pekebun kecil getah juga dikatakan tidak akan mengambil sebarang tindakan awal untuk mengawal serangan penyakit terhadap pokok-pokok getah yang dimiliki mereka sehinggalah menerima notis arahan daripada pegawai pertanian untuk melakukannya.³⁰ Pandangan dan laporan pentadbir British yang begitu ketara perbezaannya terhadap amalan penanaman kelapa dan getah orang Melayu ini menjelaskan usaha mereka untuk terus mempengaruhi orang Melayu agar terus mengusahakan tanaman kelapa berbanding getah bagi tujuan komersial dan eksport.³¹ Hal ini selaras dengan matlamat kolonial dalam mempelbagaikan hasil tanaman selain getah yang turut mendapat permintaan tinggi di pasaran empayar termasuklah di London.³² Oleh kerana penanaman kelapa juga telah lama diusahakan oleh orang Melayu, maka pentadbir British berharap orang Melayu berterusan mengusahakan tanaman kelapa.

Tujuan pentadbir British mempengaruhi orang Melayu dengan tanaman kelapa


Berkaitan pertimbangan pentadbir British untuk terus melibatkan orang Melayu dalam penanaman kelapa walaupun penanaman getah lebih mudah diusahakan, antara faktor utamanya adalah hasil yang lumayan yang mampu diperolehi oleh pentadbiran British melalui nilai eksport hasil kelapa, antaranya ialah *copra*. Hal ini kerana, di Tanah Melayu, khususnya di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) nilai eksport *copra* menduduki tangga ketiga tertinggi selepas getah dan timah dalam perdagangan antarabangsa. Manakala bagi kategori tanaman untuk tujuan eksport pula, tanaman kelapa melalui *copra* menyumbang kepada pendapatan kedua tertinggi kepada pentadbiran British di Tanah Melayu (Lihat Jadual 1).³³ Satu perkara berkaitan *copra* adalah, nilai eksportnya di pasaran antarabangsa yang tidak pernah merosot dengan teruk seperti getah dan bijih timah. Misalnya, semasa nilai eksport bagi getah dan bijih timah merosot dengan agak ketara, nilai eksport *copra* terus meningkat. Berdasarkan kepada Jadual 1 iaitu pada tahun 1922 berbanding tahun 1918, berlaku penurunan ketara dalam nilai eksport getah dan bijih timah dari NNMB. Namun nilai eksport bagi *copra* pula meningkat lebih sekali ganda. Buktinya pada tahun 1918, nilai eksport *copra* adalah \$3,053,325. Kemudian pada tahun 1922, nilai eksport *copra* dari NNMB meningkat kepada \$8,745,565 iaitu mengalami peningkatan sebanyak \$5,692,240 atau 186%. Sehingga tahun 1922 juga, jumlah keluasan tanaman kelapa di NNMB berjumlah lebih kurang 193,256 ekar dengan Perak mempunyai keluasan tanaman kelapa tertinggi iaitu berjumlah 89,662 ekar diikuti Selangor 78,680 ekar, Pahang 14,446 ekar dan Negeri Sembilan 10,468 ekar. Daripada jumlah keseluruhan keluasan tanaman kelapa ini, hampir separuh daripadanya dimiliki dan diusahakan oleh orang tempatan.³⁴ Justeru, penanaman kelapa oleh orang Melayu ini mempunyai kedudukan yang penting kepada pentadbiran British dalam memastikan keuntungan daripada pendapatan eksport dapat terus dijana melalui eksport hasil kelapa iaitu *copra* di pasaran antarabangsa. Maka tidak hairanlah kenapa pentadbiran British berterusan menggalakkan penanaman kelapa di Tanah Melayu dalam kalangan orang Melayu. Tambahan pula, pergantungan yang keterlaluan terhadap getah dan timah menyebabkan Tanah Melayu pada ketika itu mengalami kemelesetan kewangan kejatuhan harga kedua-dua komoditi tersebut di pasaran antarabangsa.³⁵

Hal ini berbeza dengan tanaman kelapa untuk tempoh masa yang dibincangkan. Peningkatan nilai eksport hasil kelapa melalui *copra* ini dapat menampung pendapatan eksport pentadbiran British yang merosot ekoran kejatuhan nilai eksport timah dan getah.

Harga *copra* juga berterusan stabil walaupun sedikit merosot. Misalnya, harga purata *copra* bagi setiap pikul (133 1/3 pound) pada tahun 1924 adalah \$11.95. Kemudian pada tahun 1925 pula \$12.15. Seterusnya menurun sedikit kepada \$11.80 pada tahun 1926.³⁶ Perkembangan ini menyebabkan eksport *copra* dari NNMB berterusan meningkat dari segi jumlah dan nilainya untuk tempoh yang sama (Jadual 2).³⁷ Berdasarkan kepada Jadual 2, kuantiti eksport *copra* di NNMB berjumlah 53,184 *tons* pada tahun 1924 dan meningkat kepada 65,829 *tons* pada tahun 1926 iaitu mengalami peningkatan sebanyak 12,645 *tons* atau 24%. Manakala nilai eksport *copra* pula meningkat daripada \$9,641,012 kepada \$12,851,770, iaitu meningkat sebanyak \$3,210,758 atau 33%. Sememangnya tidak dinafikan bahawa peningkatan tersebut berlaku dengan agak perlahan namun perkembangan ini adalah agak memberangsangkan di saat berlaku kepesatan dalam keluasan kawasan penanaman getah.³⁸ Bahkan jumlah keluasan kawasan penanaman kelapa sedia ada tidak diambil alih oleh tanaman getah dan masih juga berlaku kenaikan dalam jumlah keluasan tanaman kelapa. Misalnya bagi Selangor, pada tahun 1917, jumlah keluasan tanaman kelapa adalah berjumlah lebih kurang 40,000 ekar.³⁹ Namun, sehingga tahun 1930, jumlah keluasan tanaman kelapa di Selangor meningkat kepada 110,584 ekar⁴⁰ iaitu meningkat lebih 70,000 ekar. Justeru perkara paling utama adalah bagi memastikan tanah sedia ada yang ditanam kelapa ini terus ditanam kelapa dan tidak ditanam getah. Dalam masa yang sama juga, usaha untuk menggiatkan penanaman kelapa terus dilakukan.

Berkaitan kestabilan harga di pasaran antarabangsa untuk kelapa termasuk juga *copra* untuk tempoh masa yang dibincangkan pula adalah ekoran permintaan negara-negara barat terhadap produk-produk yang dihasilkan daripada kelapa yang sentiasa tinggi. Misalnya, pada tahun 1914, Amerika Syarikat (AS) sahaja telah mengimport 60,000,000 *pound copra* serta 58,000,000 *pound* minyak kelapa dan kelapa yang belum dikupas. Nilai import AS bagi barangan berasaskan kelapa ini masing-masing berjumlah \$60,076,664, \$58,012,425 dan \$1,805,909.⁴¹ Perkara ini adalah satu perkembangan yang baik dalam penanaman kelapa kerana menunjukkan prospek tanaman kelapa yang semakin menguntungkan.⁴² Bagi Tanah Melayu, negara barat yang menjadi pengimport utama *copranya* adalah United Kingdom (UK), Perancis, Denmark, Belgium, Itali termasuk juga AS.⁴³ Selain daripada *copra*, antara produk berasaskan kelapa lain yang turut mendapat permintaan tinggi daripada negara-negara barat ini adalah minyak kelapa mentah. Misalnya pada tahun 1922, jumlah eksport minyak kelapa mentah ke UK sahaja berjumlah 9,841 *tons* dengan nilainya adalah £485,920.⁴⁴

Faktor berikutnya yang menyebabkan pentadbir kolonial menggalakkan penanaman kelapa dalam kalangan penduduk tempatan adalah penanaman kelapa juga amat penting untuk pasaran tempatan iaitu untuk sektor pembuatan berasaskan kelapa di Tanah Melayu sendiri. Perubahan aliran perdagangan *copra* yang semakin penting dalam perdagangan lokal selepas bermulanya kemelesetan ekonomi dunia⁴⁵ dapat dilihat daripada Rajah 1 di bawah:



Rajah 1: Perdagangan *copra* bagi Tanah Melayu, 1930-1941.

Sumber: Geoffrey Pakkiam, “Smallholder Involvement in Tree Crops in Malaya, with Special Reference to Oil and Coconut Palms in Johor, 1862-1963”, hlm. 209.

Merujuk kepada Rajah 1, bermula pada awal tahun 1935, daripada jumlah keseluruhan penghasilan domestik *copra* di Tanah Melayu yang hampir 40,000 ton, jumlah penghasilan *copra* yang didagangkan di antara negeri-negeri di Tanah Melayu dan dieksport ke luar negara adalah hampir sama banyak. Kemudian selepas tahun 1937, jumlah *copra* yang didagangkan di antara negeri-negeri di Tanah Melayu melebihi jumlah *copra* yang didagangkan untuk pasaran luar. Maka, dapat dilihat bahawa penggunaan *copra* untuk pasaran domestik telahpun mengatasi jumlah *copra* untuk pasaran eksport.

Keadaan ini berlaku kerana bermula awal tahun 1930an, ekoran berlakunya kemelesetan ekonomi dunia, harga *copra* di pasaran antarabangsa turut merosot menyebabkan berlakunya kemerosotan dalam nilai eksport *copra*. Hal ini diburukkan lagi oleh caj pengangkutan *copra* ke luar negara khususnya ke Barat yang meningkat seiring dengan penurunan harga eksport *copra* menyebabkan margin keuntungan semakin merosot.⁴⁶ Pada tahun 1930 misalnya, kuantiti eksport kelapa adalah 71,042.78 tons dengan nilai eksport *copra* hanya berjumlah \$9,492,322.00⁴⁷ iaitu perbezaan yang sangat ketara dengan tahun 1920an (lihat Jadual 2). Namun demikian, pentadbir British masih berusaha mempengaruhi penduduk bagi mengusahakan tanaman kelapa kerana penghasilan kelapa ini semasa tempoh-tempoh kemelesetan amat diperlukan untuk menghasilkan sendiri barangan keperluan harian penduduk seperti minyak dan sabun bagi mengurangkan peningkatan import barangan tersebut dari luar yang akan memburukkan lagi kemerosotanimbangan perdagangan. Maka dapat dilihat, industri penghasilan sabun tempatan mula berkembang sejak kemelesetan ekonomi pada awal tahun 1930an dan kemudiannya, industri pembuatan sabun ini berkembang secara berterusan selepas tempoh tersebut ekoran peningkatan permintaan dalam pasaran domestik. Penjualan sabun untuk pasaran domestik meningkat dari 7,150 tons pada tahun 1934 kepada 12,000 tons pada tahun 1940.⁴⁸ Maka, keperluan terhadap kelapa berterusan meningkat bagi memenuhi keperluan sektor pembuatan berasaskan kelapa di Tanah Melayu sendiri.

Selain daripada industri pembuatan sabun domestik, permintaan terhadap kelapa juga signifikan untuk penghasilan minyak kelapa berkualiti rendah bagi pasaran domestik. Teknologi dan peralatan pemprosesan baharu telah diperkenalkan pada tahun awal tahun 1930an bagi meningkatkan penghasilan minyak kelapa ini.⁴⁹ Penghasilan minyak kelapa ini bukan hanya untuk kegunaan domestik tetapi juga untuk dieksport. Misalnya penghasilan minyak kelapa di Tanah Melayu yang dieksport berjumlah 25,484 *tons* pada tahun 1934 dan meningkat kepada 64,945 *tons* pada tahun 1941. India merupakan negara pengimport utama minyak kelapa dari Tanah Melayu apabila 70% daripada keseluruhan minyak kelapa dari Tanah Melayu telah dieksport ke negara tersebut.⁵⁰ Tujuan lain pentadbir British tidak menghalang perkembangan sektor pembuatan pada tahun-tahun kemelesetan ekonomi adalah supaya sektor pembuatan ini dapat menyerap tenaga buruh yang kehilangan pekerjaan mereka akibat kemelesetan ekonomi. Maka, penyerapan tenaga buruh ke dalam sektor pembuatan ini diharapkan dapat membantu mengurangkan masalah pengangguran akibat kejatuhan harga pasaran komoditi getah dan timah yang merupakan komoditi eksport utama Tanah Melayu.⁵¹

Bagi sektor pembuatan minyak kelapa, selain daripada kilang-kilang milik kapitalis Cina, orang Melayu sendiri turut terlibat dalam sektor pembuatan minyak kelapa ini melalui kaedah tradisional. Misalnya di Bagan Datoh, Perak, penduduk kampung menggunakan cara tradisional untuk menghasilkan minyak daripada kelapa. Minyak kelapa ini bukan hanya untuk kegunaan sendiri, tetapi juga turut dijual di sekitar daerah di Bagan Datoh, Perak.⁵² Melihat kepada keperluan kelapa yang terus penting sekalipun semasa kemelesetan ekonomi dunia, maka tidak hairanlah pentadbir British bukan hanya tidak menghalang penanaman kelapa dalam kalangan orang Melayu, bahkan terus berusaha mempengaruhi orang Melayu untuk terus menanam kelapa.

Dasar pentadbir British terhadap penanaman kelapa orang Melayu

Seperti yang telah dibincangkan, pentadbiran British bukan hanya tidak menentang, bahkan menggalakkan penanaman kelapa oleh orang Melayu. Salah satu usaha pentadbir British menggalakkan penanaman kelapa dalam kalangan orang Melayu adalah dengan mengamalkan polisi yang lebih terbuka dan mudah dalam pemberian hak milik tanah yang ingin diusahakan dengan tanaman kelapa seperti bayaran cukai tanah rendah dan proses pentadbiran untuk kelulusan permohonan tanah yang longgar bagi tanah-tanah yang telah disediakan dengan kemudahan infrastruktur seperti kemudahan pengairan. Situasi ini berlaku di Perak Bawah yang merupakan kawasan pesisir pantai yang mudah dinaiki air yang mengakibatkan banjir disediakan dengan rancangan pengairan. Usaha pentadbir British menyebabkan tanah-tanah yang baharu dibuka itu dalam masa yang singkat sahaja telah habis dipohon untuk diusahakan.⁵³ Selain daripada dasar tanah yang liberal, pentadbir British juga berusaha menggalakkan penanaman kelapa dalam kalangan orang Melayu melalui pemberian rebat bagi cukai tanah di bawah *The Land Encatment 1911*. Misalnya, peruntukan dalam perkara 13 B (ii) menyatakan pemberian rebat sebanyak \$2.00 ke atas tanah kelas pertama dan tanah kelas kedua bagi tanah-tanah pertanian (*countryland*) yang melebihi 10 ekar yang ditanam kelapa. Namun bagi tanah yang sama serta ditanam selain getah, ubi kayu dan gambir, jumlah rebat cukai tanah yang diberikan adalah \$1.00 iaitu separuh dari rebat yang diberikan kepada tanah yang ditanam kelapa.⁵⁴ Maka, jumlah cukai tanah yang perlu dijelaskan untuk tanah yang ditanam kelapa adalah lebih rendah berbanding dengan tanaman lain. Melalui pemberian rebat terhadap cukai tanah ini, pentadbir British mengharapkan supaya lebih banyak permohonan tanah melebihi 10 ekar untuk ditanam kelapa dibuat oleh petani-petani. Dapat dilihat juga bahawa tanah-tanah yang ditanam getah, ubi kayu, atau gambir tidak tertakluk kepada pemberian rebat sebanyak \$2.00 atau \$1.00 ini. Hal ini turut menonjolkan bahawa tanaman kelapa diharapkan menjadi salah satu tanaman komersial penting di Tanah Melayu.

Usaha lain oleh pentadbir British dalam membantu penanaman kelapa oleh orang Melayu adalah dengan melakukan kerja-kerja pemeriksaan tanaman kelapa di kampung-kampung supaya hasil kelapa dapat ditingkatkan. Kerja-kerja pemeriksaan di kampung-kampung oleh pegawai-pegawai pemeriksa ini merupakan amalan rutin dalam memantau serangan serangga perosak ke atas tanaman kelapa dan getah. Misalnya, melalui penguatkuasaan *Coconut Trees Preservation Enactment, 1897* pemeriksaan dilaksanakan di kampung-kampung bagi mengawal serangan kumbang kelapa ke atas tanaman kelapa. Penduduk kampung juga dikatakan memberikan kerjasama yang baik dan tiada kesukaran dihadapi semasa kerja-kerja pemeriksaan dilakukan.⁵⁵ Seterusnya bagi menggalakkan penanaman kelapa dalam kalangan orang Melayu juga, pentadbir British menguatkuasakan *The Agricultural Pests Enactment, 1913*. Pelaksanaan perundangan ini adalah berkait dengan langkah kerajaan melalui penguatkuasaan undang-undang bagi mengekang serangan apa-apa jenis serangga dan haiwan perosak serta penyakit ke atas apa-apa jenis tanaman (hidup atau mati) sama ada melibatkan serangan ke atas daun, akar, bunga, buah dan sebagainya (*The Agricultural Pests Enactment, 1913*, Seksyen 2 (vi) dan (vii)). Terdapat beberapa Seksyen dalam perundangan ini iaitu Seksyen 15 hingga Seksyen 19 yang telah menyebut tanaman kelapa secara khusus tapi tidak pula menyebut tanaman-tanaman lain. Seksyen 15 umpamanya adalah berkaitan dengan prosedur yang perlu dipatuhi oleh pemilik-pemilik pokok kelapa dalam menghentikan serangan serangga perosak daripada menjejaskan tanaman kelapa lain yang sihat serta denda yang boleh dikenakan kepada pemilik-pemilik yang gagal mematuhi prosedur tersebut. Seksyen 16 pula adalah berkaitan dengan tanggungjawab penghulu yang perlu memantau penanaman kelapa di mukimnya serta perlu melapor dengan kadar segera kepada *Collector* atau *Assistant Collector* jika terdapat pokok-pokok kelapa yang dipantaunya itu diserang penyakit kumbang badak atau kumbang merah. Penghulu juga bertanggungjawab dalam memastikan pemilik tanaman kelapa mematuhi langkah pencegahan dan pemusnahan tanaman kelapa yang diserang serangga perosak dan penyakit adalah mengikut garis panduan serta prosedur yang ditetapkan dalam Seksyen 15 *the Agricultural Pests Enactment, 1913*.⁵⁶ Penguatkuasaan undang-undang ini menonjolkan usaha pentadbir British mengurangkan risiko kemusnahan pokok kelapa melalui kawalan terhadap serangan serangga dan haiwan perosak serta penyakit yang boleh menjejaskan penghasilan kelapa sama ada untuk kegunaan domestik mahupun dieksport. Peningkatan harga getah yang tinggi pada penghujung tahun 1915 dan berterusan tinggi semasa tahun 1916 turut menyebabkan pegawai-pegawai pemeriksa mengambil usaha yang lebih giat dalam langkah pemeriksaan mereka dalam penanaman kelapa. Hal ini kerana, terdapat usaha sesetengah pihak untuk menebang pokok kelapa dan menggantikannya dengan tanaman getah. Keadaan menimbulkan kerisauan kepada pegawai-pegawai pemeriksa kerana pokok-pokok kelapa yang telah ditebang dan tidak dimusnahkan akan menyebabkan serangan kumbang hitam terhadap pokok-pokok kelapa yang lain. Maka kerja-kerja pemeriksaan kemudiannya ditumpukan kepada usaha memusnahkan pokok-pokok kelapa yang ditebang melalui pembakaran atau ditanam.⁵⁷ Justeru, dapat dilihat bahawa pegawai-pegawai pemeriksa pokok kelapa ini sentiasa mengambil langkah proaktif dalam memastikan pokok kelapa tidak terjejas daripada serangan serangga perosak dan penyakit agar tidak berlaku pengurangan dalam jumlah kelapa yang dihasilkan.

Dasar pentadbir British dalam menggalakkan penanaman kelapa oleh orang Melayu juga tidak hanya dalam bentuk positif semata-mata. Sebaliknya, pentadbir British berusaha memastikan orang Melayu menanam kelapa melalui paksaan. Misalnya melalui syarat tanaman ke atas tanah diberikan geran-geran tanah. Lazimnya, pemberian geran tanah dikenakan syarat “no rubber”,⁵⁸ namun bagi kelapa pula berbeza apabila permohonan geran bagi tanah tertentu diwajibkan menanam kelapa, buah-buahan atau tanaman komersial lain. Pada tahun 1915 umpamanya, permohonan tanah hanya dibuka ke atas tanah untuk ditanam dengan kelapa dan buah-buahan seperti yang berlaku di Kuala Langat apabila 1,200 ekar tanah di sini diasingkan hanya untuk permohonan bagi tujuan

tersebut.⁵⁹ Bagi pemilik yang gagal mematuhi syarat tanaman seperti tertera, maka tanah mereka boleh diambil semula. Misalnya pada tahun 1919 di Kuala Kangsar, Perak, notis amaran pengambilan semula tanah dikeluarkan kepada beberapa orang pemilik tanah kerana kegagalan mereka menanam sekurang-kurangnya sebahagian daripada tanah mereka dengan kelapa atau tanaman komersial selain getah atau tanaman buah-buahan. Misalnya Ahmad bin Abu Hassim, Haji Halijah binti Puyu, Ngah Halimah binti Pandak Pakih dan Itam Biah binti Olah telah menerima notis amaran kerana kegagalan mematuhi syarat tanaman dan masing-masing bakal kehilangan tanah mereka jika tidak dapat memenuhi syarat tanaman seperti termaktub dalam geran dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis amaran dikeluarkan.⁶⁰ Di Kuala Selangor, Selangor juga, Haji Omar bin Mohamed telah gagal menanam tidak kurang 30 pokok kelapa bagi setiap ekar tanah miliknya. Maka, tanah Haji Omar juga boleh diambil semula oleh kerajaan jika gagal memenuhi syarat tanamam di atas tanah miliknya dalam tempoh masa yang diberikan.⁶¹ Justeru, dapat dilihat bahawa pengenaan syarat tanaman ini adalah bertujuan memastikan kelapa terus ditanam di atas tanah yang dikhaskan untuk tujuan itu dan jika pemilik asal gagal mematuhinya, kerajaan tidak teragak-agak mengambil semula tanah untuk diberikan kepada pihak lain yang dapat memenuhi syarat tanaman tersebut. Maka, syarat tanaman kelapa ini turut menyebabkan kehilangan tanah dalam kalangan orang Melayu apabila orang Melayu mengusahakan tanaman selain daripada kelapa atau menanam getah seperti yang telah tertera dalam geran-geran tanah milik mereka.

Sebenarnya, dalam penanaman kelapa terdapat beberapa faktor yang menyebabkan pemilik-pemilik tanah tersebut enggan mengusahakan tanaman kelapa. Pertamanya, berbanding tanaman kelapa, getah adalah lebih mudah untuk diusahakan dan lebih kalis penyakit. Hal ini berbeza dengan tanaman kelapa yang mudah diserang penyakit dan serangga perosak.⁶² Bahkan masalah serangga perosak dan penyakit ini merupakan antara masalah yang masih belum dapat diatasi sepenuhnya dalam penanaman kelapa.⁶³ Kedua, tidak semua tanah sesuai dan subur untuk tanaman kelapa dan tanaman kelapa juga memerlukan sistem saliran yang baik.⁶⁴ Hal ini menyebabkan tidak semua kawasan dan jenis tanah sesuai diusahakan dengan tanaman kelapa berbanding getah. Justeru, tanah yang ingin ditanam kelapa memerlukan penambahbaikan seperti penyediaan saliran dan pengairan serta usaha juga perlu dibuat untuk meningkatkan kesuburan tanah. Misalnya, kadar keasidan tanah perlu dikurangkan agar kelapa hidup subur dan mengeluarkan hasil yang baik serta banyak. Ketiga, biji benih juga perlu berkualiti. Sungguhpun begitu, bijih benih yang berkualiti ini juga tidak semestinya sesuai untuk kawasan dan tanah yang berbeza.⁶⁵ Usaha-usaha ini juga perlu dilakukan secara saintifik dan ini akan menelan kos yang tinggi. Maka, tanaman kelapa adalah tanaman yang tidaklah begitu mudah diusahakan di semua kawasan dan jenis tanah. Tanaman ini juga lebih berisiko dan memerlukan usaha yang lebih giat berbanding tanaman getah.⁶⁶

Justeru, walaupun harganya sentiasa stabil di pasaran antarabangsa, tanaman kelapa bukanlah jenis tanaman yang benar-benar dapat memberikan pulangan lumayan kepada pengusahanya. Misalnya bagi daerah-daerah yang tanaman utamanya adalah kelapa, seperti Bagan Datoh (Perak), Benut (Johor) dan Kuala Selangor (Selangor), isu kemiskinan tegar adalah begitu ketara. Buktinya, pendapatan isi rumah yang bergantung kepada tanaman ini adalah serendah \$5.00 sebulan. Justeru pendapatan ini adalah tidak mencukupi bagi menampung perbelanjaan dan menyebabkan keluarga ini perlu melakukan kerja-kerja lain bagi menampung pendapatan mereka seperti menangkap ikan. Namun, pendapatan yang diperoleh masih tidak mencukupi dan lazimnya keluarga ini hanya mampu untuk makan sekali sehari ekoran pendapatan yang rendah tersebut.⁶⁷ Maka tidak hairanlah jumlah penyertaan orang Melayu dalam tanaman kelapa kekal rendah berbanding dengan penyertaan mereka dalam tanaman getah. Misalnya, sehingga tahun 1931, jumlah orang Melayu yang terlibat dalam penanaman kelapa adalah 10,244 orang berbanding penyertaan orang Melayu dalam penanaman getah yang berjumlah 43,622 orang. Hal ini bermaksud, jumlah orang Melayu yang terlibat dalam

penanaman getah adalah 33,378 atau tiga kali ganda lebih tinggi daripada penyertaan orang Melayu dalam tanaman kelapa.⁶⁸

Kesimpulan

Kesimpulannya, penanaman kelapa untuk tujuan komersial telah sekian lama diusahakan oleh orang Melayu iaitu sejak sebelum penjajahan British di Tanah Melayu lagi. Bukan hanya dianggap sebagai tanaman tradisi orang Melayu, pentadbir British bahkan memandang tinggi akan kemahiran orang Melayu dalam penanaman kelapa khususnya bagi penghasilan jumlah kelapa bagi setiap pokok kelapa yang ditanam oleh orang Melayu. Maka, pentadbir British berusaha menggalakkan dan mempengaruhi orang Melayu untuk terus menanam kelapa sama ada untuk dieksport mahupun untuk kegunaan domestik. Sebenarnya, dasar pentadbir British menggalakkan dan mempengaruhi orang Melayu untuk terus menanam kelapa ini adalah bagi mempelbagaikan hasil pertanian untuk dieksport ke luar negara bagi mengurangkan pergantungan kepada tanaman getah⁶⁹ dan seterusnya meningkatkan pendapatan melalui eksport. Kemudian semasa tahun-tahun kemelesetan ekonomi dunia, tanaman kelapa masih menjadi kepentingan utama kepada pentadbiran British kerana keperluannya untuk sektor pembuatan bagi pasaran domestik bagi mengurangkan import barangan keperluan dari luar seperti minyak kelapa dan sabun. Bagi memastikan orang Melayu terus mengusahakan tanaman kelapa pula, pentadbir British melaksanakan pelbagai galakan sama ada dalam bentuk positif mahupun negatif. Namun, walaupun pelbagai usaha dilakukan untuk mempengaruhi orang Melayu mengusahakan tanaman kelapa, secara keseluruhannya penanaman kelapa dalam kalangan orang Melayu masih tidak begitu meluas seperti getah walaupun tidak dinafikan ada berlaku pertambahan dalam jumlah keluasan tanaman kelapa.

Penghargaan

Artikel ini merupakan hasil penyelidikan di bawah Geran Jangka Pendek daripada Universiti Sains Malaysia (304/PHUMANITI/6315744).

Nota

¹ Harga kopi mencapai tahap kemuncak pada tahun 1894 dan 1895 iaitu \$40 sepikul. Namun harga kopi merosot kepada \$15.50 sepikul pada 1898. Sehingga tahun 1903 harga kopi adalah dalam lingkungan \$19-\$20 sepikul. Hal ini menyebabkan banyak estet telah beralih kepada getah. Lihat J. C. Jackson, *Planters and Speculators, Chinese and European Agricultural Enterprise in Malaya, 1786-1921*, Kuala Lumpur, University of Malaya Press, 1968, hlm. 198-199 & 218.

² Ayat sendiri berdasarkan Lim, Teck Ghee, *Peasants and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya 1874-1941*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1977, hlm. 35; Nik Haslinda Nik Hussain, *Pentadbiran Kolonial dan Isu Pemilikan Tanah di Kelantan, 1881-1941*, Pulau Pinang, Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2011, hlm. 27; Mohamad Khairul Anuar Mohd Rosli, "Strategi Pengawalan Serangga Perosak dalam Sektor Penanaman Kelapa di Selangor, 1874-1940", *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 49, no. 1, 2023, hlm. 44-64.

³ C. A. Vlieland, *British Malaya: Report on the 1931 Census and on Certain Problems of Vital Statistic*, The Crown Agent for the Colonies, London, 1932, hlm. 288-296.

⁴ Dasar pentadbir British terhadap getah, lihat P. T. Bauer, *The Rubber Industry: A Study in Competition and Monopoly*, London, Butler and Tanner Ltd., 1948 dan Lim Teck Ghee, *Peasants and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya 1874-1941* dan Jomo K. S., *Pembangunan Ekonomi dan Kelas Sosial di Semenanjung Malaysia*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.

- ⁵ Zulkanain Abdul Rahman & Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, “Penanaman Kelapa di Perak dan Selangor, 1900-1940”, In *Dastar Pendeta*, edited by Zulkanain Abdul Rahman et. al., Jabatan Sejarah Universiti Malaya. Kuala Lumpur, 2012.
- ⁶ Zalikha Bahari, “Reaksi dan Kesan Terhadap Perkembangan Industri Kelapa di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB), 1902-1941”, *Journal of Human Development and Communication*, no. 5, 2016. hlm. 141-162.
- ⁷ Khairi Ariffin, Ramli Saadon & Tuan Waheda Tuan Chik, “Perladangan Komersial di Daerah Hilir Perak pada Era Kolonial British 1900-1957”, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 46, no. 1, 2019, hlm. 63-68.
- ⁸ Mohamad Khairul Anuar Mohd Rosli, “Strategi Pengawalan Serangga Perosak dalam Sektor Penanaman Kelapa di Selangor, 1874-1940”, hlm. 44-64.
- ⁹ Mohamad Khairul Anuar Mohd Rosli, “Pengkomersialan Tanaman kelapa di Selangor Sebelum Tahun 1940”, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 50, no. 2, 2023, hlm. 122-136.
- ¹⁰ Geoffrey Pakkiam, “Smallholder Involvement in Tree Crops in Malaya, with Special Reference to Oil and Coconut Palms in Johor, 1862-1963”, Ph.D Thesis, University of London, London, 2017, hlm. 51. <https://www.researchgate.net/publication/327880840>. Retrieved on: 28 September 2023.
- ¹¹ R. O. Winstedt, A History of Johore (1365—1895) A.D. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* Vol. 10, No. 3(115), 1931, hlm, 41. <http://www.jstor.org/stable/41560456>.
- ¹² Geoffrey Pakkiam, “Smallholder Involvement in Tree Crops in Malaya, with Special Reference to Oil and Coconut Palms in Johor, 1862-1963”, hlm. 53.
- ¹³ T. J. Newbold, *Political and Statistical Account of The British Settlements in the Straits of Malacca*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1971, hlm. 68-77.
- ¹⁴ Nik Haslinda Nik Hussain, *Pentadbiran Kolonial dan Isu Pemilikan Tanah di Kelantan, 1881-1941*, hlm. 27.
- ¹⁵ An Economic Survey of the Colonial Empire, London, His Majesty’s Stationery Office, 1933, hlm. 185.
- ¹⁶ An Economic Survey of the Colonial Empire, London, His Majesty’s Stationery Office, 1933, hlm. 185; Geoffrey Pakkiam, “Smallholder Involvement in Tree Crops in Malaya, with Special Reference to Oil and Coconut Palms in Johor, 1862-1963”, hlm. 52-53.
- ¹⁷ Perbincangan lanjut, lihat subtopik “Tujuan Pentadbir British Mempengaruhi Orang Melayu dengan Tanaman Kelapa.”
- ¹⁸ *Malayan Agriculture Handbook*, compl. by Department of Agriculture Federated Malay States and Straits Settlements, edited by Eaton, B. J. et. al, Kuala Lumpur, Huxley, Palmer & Co. Ltd, 1922, hln. 85.
- ¹⁹ Annual Report of the Inspector of Coconut Plantations for the year 1905, Federated Malay States, Department of Agriculture, in *Agricultural Bulletin of the Straits and Federated Malays States* V. edited by H. N. Ridley, hlm. 265.
- ²⁰ Annual Report of the Inspector of Coconut Plantations for the year 1905, hlm. 265.
- ²¹ Annual Report of the United Planters’ Association, F.M.S., in *Agricultural Bulletin of the Straits and Federated Malays States*, ed. by. H. N. Ridley vol. V, hlm. 152.
- ²² Annual Report of the United Planters’ Association, hlm. 152.
- ²³ Annual Report of the Chief Field Officer for 1926, in *The Malayan Agricultural Journal* May 1927, XV, 5, hlm. 142.
- ²⁴ Annual Report of the Chief Field Officer for 1926, hlm. 142.
- ²⁵ Anon, Report of Committee to investigate and Report on the Present Economic Condition of the Coconut and other Vegetable Oil Producing Industries in Malaya, 1934, in *British Economic Development in Southeast Asia, 1880-1939*, ed. by. David Sunderland, vol. 1, hlm. 239-240.
- ²⁶ Lim, Teck Ghee, *Peasants and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya 1874-1941*, 161 dan 177.

²⁷ Sehingga tahun 1934, di Selangor sahaja, jumlah keluasan kebun-kebun kecil kelapa adalah seluas 70,000 ekar. Lihat Anon, Report of Committee to investigate and Report on the Present Economic Condition of the Coconut and other Vegetable Oil Producing Industries in Malaya, 1934, hlm, 240.

²⁸ Annual Report of the Chief Field Officer for 1926, hlm. 138.

²⁹ Annual Report of the Chief Field Officer for 1926, hlm. 138.

³⁰ Annual Report of the Chief Field Officer for 1926, hlm. 140.

³¹ Pentadbir British sejak dari awal lagi mengekang usaha orang Melayu dalam tanaman getah bagi memastikan orang Melayu terus terlibat dengan tanaman makanan khususnya padi. Faktor penting lain adalah bagi mengurangkan penawaran daripada pekebun-pekebun kecil getah yang turut memberi saingan kepada pengeluaran getah milik syarikat Barat. Pengeluaran getah yang berterusan meningkat di pasaran antarabangsa juga telah menyebabkan berlakunya penawaran berlebihan sehingga menyebabkan kejatuhan harga getah. Misalnya bermula pada pertengahan tahun 1910an, harga getah telah mula menjunam ekoran penawaran yang berlebihan tersebut. Kemudian pada tahun 1920an, keadaan selepas perang dunia pertama, berlaku kemerosotan dalam penggunaan getah dan oleh kerana pada dekad ini juga tanaman getah sebelum ini telah mengeluarkan hasil, maka berlaku lambakan dalam pengeluaran getah di pasaran antarabangsa. Hal ini menyebabkan pentadbir British mengambil langkah untuk menyekat pengeluaran getah dan kuota pengeluaran getah diperkenalkan di Tanah Melayu serta wilayah koloni British yang lain bagi mengawal harga getah. Lihat Brown, I. *Economic Change in South-East Asia, c 1830-1980*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1997, hlm.150-153.

³² Mohd Shazwan Mokhtar, “Peranan Jabatan Pertanian dan Diversiti Pertanian Kolonial Di Tanah Melayu, 1920-1938”, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 49, no 3, 2022, hlm. 1-26.

³³ Jadual 1: Nilai Eksport Barangan Utama di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB), 1918 dan 1922

Jenis barangan	Tahun	
	1918 (\$)	1922 (\$)
<i>Para rubber</i>	116,439,992	74,686,458
Bijih timah	95,153,265	47,769,020
<i>Copra</i>	3,053,325	8,745,565
Atap	26,075	173,950
Balak dan papan	76,778	337,751
Ubi kayu	155,983	99,024
Ikan (diawetkan: kering dan masin)	336,927	445,448
Buah-buahan	45,010	237,355
Buah pinang	92,683	122,526
Rotan	15,978	119,072

Sumber: British Malaya Trade and Commerce (1924).

³⁴ *British Malaya Trade and Commerce*, London, Malay States Agency, 1924, hlm. 38.

³⁵ *British Malaya Trade and Commerce*, hlm. 17.

³⁶ Report of the Agricultural Economist 1926, hlm. 114.

³⁷ Jadual 2: Eksport *copra* daripada Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1924-1926

Negeri	Kuantiti (tons)			Nilai (\$)		
	1924	1925	1926	1924	1925	1926
Perak	38,545	40,007	44,542	6,914,055	7,830,274	8,905,033
Selangor	12,900	15,426	16,963	2,427,188	2,909,119	3,212,553
Negeri Sembilan	1,179	2,236	3,417	203,903	463,494	575,451
Pahang	560	315	907	95,839	57,412	158,733
Jumlah	53,184	57,984	65,829	9,641,012	11,260,299	12,851,770

Sumber: Report of the Agricultural Economist (1926).

*Data-data ini adalah bagi estet milik orang asing dan pekebun kecil Melayu

³⁸ Misalnya jumlah keluasan penanaman getah sehingga awal tahun 1930an, adalah berjumlah 1,523,278 ekar berbanding keluasan kawasan penanaman kelapa yang hanya berjumlah 240,408 ekar. Lihat *An Economic Survey of the Colonial Empire*, 1933, hlm. 198-199.

³⁹ Mohamad Khairul Anuar Mohd Rosli, "Pengkomersialan Tanaman kelapa di Selangor Sebelum Tahun 1940", hlm. 129.

⁴⁰ *An Economic Survey of the Colonial Empire*, 1933, hlm. 199.

⁴¹ Earley, V. W, *Tropical Agriculture*, New York and London: D. Appleton and Company, 1916, hlm. 32 & 63.

⁴² Jack, H. W, "Improvement of the Coconut Crop by Selection", In *Malayan Agricultural Journal* Vol. 1, No. 1, 1930, hlm. 30.

⁴³ *Malayan Agriculture Handbook*, 1922, hlm. 85.

⁴⁴ *British Malaya Trade and Commerce* 1924, hlm. 38.

⁴⁵ Pada tahun 1930, berlaku kemelesetan ekonomi dunia yang bermula di Amerika Syarikat yang kemudiannya tersebar ke negara-negara lain menyebabkan pendapatan eksport negara-negara terlibat termasuk Britain dan tanah jajahan menerima kesannya kerana pergantungan keterlaluan kepada Amerika Syarikat untuk eksport bahan mentah. Hal ini memberi kesan kepada harga pasaran getah, timah dan *copra* yang merupakan eksport utama Tanah Melayu ketika itu. Lihat Lim, Teck Ghee, *Peasants and their agricultural economy in Colonial Malaysia 1874-1941*, hlm. 181.

⁴⁶ Sehingga tahun 1939, kos perkapalan untuk barangan eksport ini masih tidak menentu dan berlaku turun naik. Misalnya pada bulan Ogos 1939, kos perkapalan untuk eksport diumumkan meningkat berbanding bulan Jun 1939. *The Straits Times*, "London Copra Market Dull", 29 Ogos 1939, hlm. 7. <http://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/straitstimes19390829-1.2.28.8>.

⁴⁷ *Year Book and Manual of Statistics, 1932*, Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Printing Office, hlm. 375.

⁴⁸ Geoffrey Pakkiam, "Smallholder Involvement in Tree Crops in Malaya, with Special Reference to Oil and Coconut Palms in Johor, 1862-1963", hlm. 208.

⁴⁹ Geoffrey Pakkiam, "Smallholder Involvement in Tree Crops in Malaya, with Special Reference to Oil and Coconut Palms in Johor, 1862-1963", hlm. 207.

⁵⁰ Geoffrey Pakkiam, "Smallholder Involvement in Tree Crops in Malaya, with Special Reference to Oil and Coconut Palms in Johor, 1862-1963", hlm. 207.

⁵¹ Geoffrey Pakkiam, "Smallholder Involvement in Tree Crops in Malaya, with Special Reference to Oil and Coconut Palms in Johor, 1862-1963", hlm. 207. Lihat juga Mohd Shazwan Mokhtar, "Pasaran Buruh dan Standard Hidup di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu ketika Kemelesetan Ekonomi, 1929-1938", *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* Vol. 50, No 3, 2023, hlm. 292.

⁵² CO438, Annual Report on Social and Economic Progress of the People of Perak 1939, hlm. 15.

⁵³ Lim, Teck Ghee, *Peasants and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya 1874-1941*, hlm. 51-52.

⁵⁴ C. W. Harrison, *Land Administration and Surveys*. Singapore, Fraser & Neave Limited Printers, 1923, hlm. 8; *Federated Malay States Government Gazette* December 1923, Vol. XV, 26, hlm. 80.

⁵⁵ F. W. South, "Application of the Agricultural Pests Enactment," in *Proceedings of the First Agricultural Conference, Malaya*, edited by L. Lewton-Brain And B. Bunting, 1917, hlm. 87.

⁵⁶ The Agricultural Pests Enactment, 1913 in *The Law of The Federated States 1877-1920*, Los Angeles, The Library of The University of California, hlm. 495-496.

⁵⁷ F. W. South, "Application of the Agricultural Pests Enactment", hlm. 88.

⁵⁸Keuntungan daripada tanaman getah menyebabkan ramai dalam kalangan Melayu mula terlibat dengan tanaman getah. Di Perak sahaja pada tahun 1915, permohonan tanah untuk ditanam dengan getah adalah sebanyak 9,478 permohonan. Setahun kemudian, iaitu pada tahun 1916, permohonan untuk tanaman getah meningkat sebanyak hampir dua kali ganda di Perak iaitu berjumlah 17,891 permohonan. Melihat kepada peningkatan yang ketara dalam permohonan tanah untuk ditanam getah oleh petani, Persidangan Residen pada tahun 1917 bersetuju untuk mengenakan syarat “no rubber” ke atas permohonan tanah baharu. Lihat Lim, Teck Ghee, *Peasants and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya 1874-1941*, hlm. 117-118; Menurut Lim Chong Yah, usaha sekatan ke atas getah ini dilakukan untuk stabilkan harga getah bagi menyelamatkan industri perladangan getah British daripada mufis dan seterusnya syarikat-syarikat ini diambil alih oleh syarikat-syarikat milik Amerika. Namun, kerisauan paling utama surplus berlebihan dalam penawaran getah di pasaran antarabangsa ini adalah akan menyebabkan berlakunya kemerosotan mata wang *sterling* ekoran kemerosotan berterusan nilai eksport getah di pasaran antarabangsa akibat kejatuhan berterusan dalam harga getah. Lim Chong Yah, *Economic Development of Modern Malaya*, Kuala Lumpur: Oxford University Press: 1967, hlm. 76. Lihat juga, Brown, I. *Economic Change in South-East Asia, c. 1830-1980*, hlm. 149-150.

⁵⁹Lim, Teck Ghee, *Peasants and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya 1874-1941*, hlm. 134.

⁶⁰*Federated Malay States (F.M.S) Government Gazette*, July-December 1919, hlm. 1158.

⁶¹*Federated Malay States Government Gazette*, 1923, hlm. 2645.

⁶²Tidak seperti tanaman getah yang tidak mudah terdedah kepada serangan penyakit akibat keadaan iklim, tanaman kelapa merupakan tanaman tropika yang terdedah kepada keadaan iklim yang boleh menyebabkan serangan penyakit mudah berlaku dan mudah juga tersebar terhadap pokok-pokok kelapa lain yang bersebelahan dengan pokok yang dijangkiti. Maka, penanaman kelapa memerlukan penjagaan yang lebih rapi dan langkah segera untuk melindungi pokok kelapa dari terdedah kepada penyakit yang boleh memusnahkan keseluruhan kawasan yang ditanam kelapa. Lihat R. M. Richard, “The Diseases and Pests of the Coconut Palm,” in *Proceedings of the First Agricultural Conference, Malaya*, edited by L. Lewton-Brain And B. Bunting, 1917, hlm. 64. Masalah serangan serangga dan penyakit dan ini juga bukanlah suatu isu baharu. Pada tahun 1912 umpamanya, satu lagi jenis serangga perosak telah ditemui di Filipina. Serangga perosak tersebut boleh menjadi ancaman serius kepada ladang-ladang di koloni serta NNMB, kecuali langkah berjaga-jaga yang mencukupi diambil dengan kadar segera. Lihat *Agricultural Bulletin of the Straits and Federated Malay States* 1912, hlm. 155. Di Semenanjung Tanah Melayu sendiri, dua jenis serangga perosak yang menyebabkan kerosakan serius kepada tanaman kelapa sejak sekian lama adalah kumbang hitam dan kumbang merah. Lihat *Malayan Agriculture Handbook*, 1922, hlm. 250.

⁶³Jack, H. W, “Improvement of the Coconut Crop by Selection”, hlm. 31.

⁶⁴Ketiadaan sistem saliran yang baik yang boleh mengakibatkan banjir akan menjejaskan hasil kelapa. Misalnya pada tahun 1926, banjir telah menjejaskan hasil kelapa. Hal ini berlaku ekoran arus deras banjir telah menyebabkan gegaran pada pokok kelapa sehingga buah-buah kelapa gugur dan kemudian dihanyutkan oleh arus tersebut. Lihat, Field Division Annual Report for 1927 in *Malayan Agricultural Journal*, April 1928, XVI, 4, hlm. 148.

⁶⁵Pemilihan biji benih berkualiti juga bukanlah dilakukan melalui kaedah saintifik. Sebaliknya hanya dilakukan melalui pemeriksaan terhadap pokok-pokok kelapa yang dimiliki oleh individu. Misalnya, salah satu kaedah yang dilakukan adalah melalui pembelian biji benih dari estet-estet yang diketahui mengeluarkan hasil *copra* paling tinggi bagi setiap ekar bagi keadaan atau jenis tanah yang sama dengan anggapan benih yang sama mampu mengeluarkan hasil yang sama bagi keadaan dan jenis tanah yang sama. Lihat Jack, H. W, “Improvement of the Coconut Crop by Selection”, hlm. 31.

⁶⁶ H. W. Jack, "Improvement of the Coconut Crop by Selection", hlm. 31. Misalnya, jumlah tahunan hujan adalah amat penting dalam memastikan sesuai untuk pastikan pokok kelapa dapat tumbuh dengan baik. Sebagai bukti, jumlah tahunan hujan diperlukan untuk tanaman kelapa hidup subur adalah 60 ke 80 inci bagi memastikan akar pokok kelapa dapat menyusup sekurang-kurangnya 50 inci ke dalam tanah agar lebih mudah akar mencari sumber air supaya pokok kekal subur dan tumbuh dengan baik. (J. Ferguson, *Coconut Planter's Manual*, Colombo, Ceylon Observer Press, 1923, hlm. 77.

⁶⁷ Anon, Report of Committee to investigate and Report on the Present Economic Condition of the Coconut and other Vegetable Oil Producing Industries in Malaya, 1934, hlm. 243.

⁶⁸ C. A. Vlieland, *British Malaya: Report on the 1931 Census and on Certain Problems of Vital Statistic*, hlm. 288-296.

⁶⁹ Sehingga tahun 1941, pentadbiran British di Tanah Melayu masih bergantung hampir sepenuhnya kepada pengeluaran getah iaitu lebih daripada $\frac{3}{4}$ nilai output pertanian adalah getah. Lihat P. T. Bauer, *The Rubber Industry: A Study in Competition and Monopoly*, hlm. xi.

Rujukan

- Agricultural Bulletin of the Straits and Federated Malay States* 1912, 5: 145-174. An Economic Survey of the Colonial Empire 1933. London: His Majesty's Stationery Office.
- Annual Report of the Chief Field Officer for 1926, in *The Malayan Agricultural Journal* May 1927, XV, 5.
- Annual Report of the Inspector of Coconut Plantations for the year 1905. Federated Malay States, Department of Agriculture. In *Agricultural Bulletin of the Straits and Federated Malay States* V. edited by H. N. Ridley.
- Annual Report of the United Planters' Association, F.M.S., in *Agricultural Bulletin of the Straits and Federated Malay States*, ed. by. H. N. Ridley vol. V.
- Anon. Report of Committee to investigate and Report on the Present Economic Condition of the Coconut and other Vegetable Oil Producing Industries in Malaya, 1934, in *British Economic Development in Southeast Asia, 1880-1939*, ed. by. David Sunderland, vol. 1.
- Bauer, P. T. 1948. *The Rubber Industry: A Study in Competition and Monopoly*. London: Butler and Tanner Ltd.
- Brown, I. 1997. *Economic Change in South-East Asia, c. 1830-1980*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- British Malaya Trade and Commerce* 1924. London: Malay States Agency.
- CO438. 1939. Annual Report on Social and Economic Progress of the People of Perak.
- Drabble, J. H. 1973. *Rubber in Malaya 1876-1922*. London: Oxford University Press.
- Federated Malay States (F.M.S) Government Gazette*, July-December 1919.
- Federated Malay States Government Gazette* December 1923, Vol. XV, 26.
- Ferguson J. 1923. *Coconut Planter's Manual*. Colombo: Ceylon Observer Press.
- Field Division Annual Report for 1927 in *Malayan Agricultural Journal*, April 1928, XVI, 4.
- Geoffrey Pakkiam. 2017. Smallholder Involvement in Tree Crops in Malaya, with Special Reference to Oil and Coconut Palms in Johor, 1862-1963. Ph.D Thesis, University of London, London. <https://www.researchgate.net/publication/327880840>. Retrieved on: 28 September 2023.
- Harrison, C. W. 1923. *Land Administration and Surveys*. Singapore: Fraser & Neave Limited Printers.
- Jack, H. W. "Improvement of the Coconut Crop by Selection". In *Malayan Agricultural Journal* 1, 1 (1930): 30-39.
- Jackson, J. C. 1968. *Planters and Speculators, Chinese and European Agricultural Enterprise in Malaya, 1786-1921*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

- Jomo Kwame Sundaram. 1988. *Pembangunan Ekonomi dan Kelas Sosial di Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairi Ariffin, Ramli Saadon & Tuan Waheda Tuan Chik. 2019. "Perladangan Komersial di Daerah Hilir Perak pada Era Kolonial British 1900-1957," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 46, no. 1:58-78.
- Lim, Chong Yah. 1967. *Economic Development of Modern Malaya*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Lim, Teck Ghee. 1977. *Peasants and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya 1874-1941*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Malayan Agriculture Handbook* 1922, compl. by Department of Agriculture Federated Malay States and Straits Settlements, edited by Eaton, B. J. et. al. Kuala Lumpur: Huxley, Palmer & Co. Ltd.
- Mohamad Khairul Anuar Mohd Rosli. 2022. "Strategi Pengawasan Serangga Perusak dalam Sektor Penanaman Kelapa di Selangor, 1874-1940," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 49, no. 1: 44-64.
- Mohamad Khairul Anuar Mohd Rosli. 2023. "Pengkomersialan Tanaman kelapa di Selangor Sebelum Tahun 1940," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 50, no. 2: 122-136.
- Mohd Shazwan Mokhtar. 2022. "Peranan Jabatan Pertanian dan Diversiti Pertanian Kolonial Di Tanah Melayu, 1920-1938," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 49, no.3: 1-26.
- Mohd Shazwan Mokhtar. 2023. "Pasaran Buruh dan Standard Hidup di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu ketika Kemelesetan Ekonomi, 1929-1938", *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 50, no. 3: 288-305.
- Newbold, T. J. 1971. *Political and Statistical Account of The British Settlements in the Straits of Malacca*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Nik Haslinda Nik Hussain. 2011. *Pentadbiran Kolonial dan Isu Pemilikan Tanah di Kelantan, 1881-1941*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Report of the Agricultural Economist for 1926. In *The Malayan Agricultural Journal* May 1927, XV, 5.
- Richard, R. M. 1917. "The Diseases and Pests of the Coconut Palm." In *Proceedings of the First Agricultural Conference, Malaya*. Edited by L. Lewton-Brain And B. Bunting.
- South F. W. 1917. "Application of the Agricultural Pests Enactment." In *Proceedings of the First Agricultural Conference, Malaya*, edited by L. Lewton-Brain And B. Bunting. The Agricultural Pests Enactment, 1913 in *The Law of The Federated States 1877-1920*. Los Angeles: The Library of The University of California.
- Vlieland, C. A. 1932. *British Malaya: Report on the 1931 Census and on Certain Problems of Vital Statistic*, The Crown Agent for the Colonies, London.
- Wilcox, E. V. 1916. *Tropical Agriculture*. New York and London: D. Appleton and Company.
- Winstedt, R. O. 1932. "A History of Johore (1365—1895 A.D.," *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 10, 3(115): 1-167. <http://www.jstor.org/stable/41560456>.
- Year Book And Manual of Statistics*. 1932. Kuala Lumpur: The Federated Malay States Government Printing office.
- Zalikha Bahari. 2016. "Reaksi dan Kesan Terhadap Perkembangan Industri Kelapa di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB), 1902-1941," *Journal of Human Development and Communication* no. 5: 141-162.

Dasar Pentadbir British Terhadap Penanaman Kelapa dalam kalangan Orang Melayu

Zulkanain Abdul Rahman & Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus. 2012. "Penanaman Kelapa di Perak dan Selangor, 1900-1940." Dlm. *Dastar Pendeta*, disunting oleh Zulkanain Abdul Rahman *et. al.* Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya.